


Melaka tumpu tujuh inti pati realisasi dasar, perancangan

Melaka: Kerajaan Melaka menekankan tujuh inti pati penting kepada semua penjawat awam dalam usaha merealisasikan segala dasar dan pelan perancangan termasuk Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 dan Belanjawan 2021 Melaka.

Ketua Menterinya, Datuk Seri Sulaiman Md Ali, berkata ia seiring dengan matlamat 2021 adalah Tahun Pelaksanaan untuk memastikan segala dasar, inisiatif dan program dirancang, dilaksanakan dengan berkesan hingga memberi impak serta manfaatnya dapat dirasai rakyat.

“Yang pertama, paling mustahak kita mahukan segala yang kita rancang tahun ini, kita perlu pastikan semua dilaksanakan atau dalam bahasa mudanya ‘Bagi Jadi, Kasi Jadi’.

“Selain itu, polisi kita adalah Hari Bertemu Rakyat yang bukan hanya dilakukan secara mingguan atau bulanan supaya segala permasalahan rakyat dapat diambil perhatian dan tindakan sewajarnya,” katanya.



“Yang pertama, paling mustahak kita mahukan segala yang kita rancang tahun ini, kita perlu pastikan semua dilaksanakan.”

**Sulaiman Md Ali,
Ketua Menteri Melaka**

Beliau berkata demikian selepas Majlis Amanat Sempena Tahun Baharu 2021 dan Prapelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 di sini, semalam.

Sulaiman berkata, pi-

haknya juga tidak mahu ada lagi alasan apabila berlaku kelewatan, ketirisan atau apa-apa juga kegagalan dalam menyampaikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat.

Katanya, pihaknya juga mahu melihat *result-oriented* atau hasil daripada semua direncana kerajaan negeri, termasuk lebih 80 inisiatif Belanjawan 2021 Melaka merangkumi 40 inisiatif yang membabitkan rakyat secara langsung, diterima terus oleh rakyat.

“Saya juga mahu setiap agensi dan anak syarikat kerajaan negeri mempunyai petunjuk prestasi utama (KPI) dan pelan strategik masing-masing selari dengan pelan strategik pada peringkat negeri,” katanya.

Terdahulu pada majlis itu, beliau menyampaikan sumbangan pelitup muka dan cecair pembasmi kuman bernilai RM5 juta kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Melaka untuk disalurkan kepada semua pelajar di seluruh Melaka secara percuma.

BERNAMA